

01 DEC 1997

MENTERI KEWANGAN ASEAN MULA BERMESYUARAT

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Mesyuarat dua hari Menteri-menteri Kewangan Asean dan "Asean Plus Six" bermula hari ini dengan perbincangan, antara lain, keadaan ekonomi semasa yang dihadapi oleh negara-negara anggota berikutan serangan ke atas mata wang masing-masing.

Para pegawai berkata menteri-menteri itu akan juga bertukar-tukar pendapat mengenai sebab dan sejauh mana masalah mata wang dan tindak balas dasar diperlukan untuk memulihkan kestabilan di rantau ini.

Sesi pagi termasuk pemeteraian kemasukan Laos dan Myanmar ke kefahaman peringkat menteri mengenai kerjasama Asean dalam kewangan. Kedua-dua negara tersebut menyertai Asean Julai lalu.

Pada sebelah petang pula, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan untuk merasmikan mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean, serta mesyuarat mereka dengan wakil-wakil dari Australia, China, Jepun, Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Hong Kong atau juga disebut mesyuarat "Asean Plus Six."

Perdana menteri akan juga merasmikan persidangan mengenai daya usaha kewangan Asean untuk abad ke 21.

Menteri-menteri kewangan Asean yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat berkenaan ialah Parrin Nimmanahaeminda dari Thailand, Mar'ie Muhamad dari Indonesia, Dr Richard Hu Tsu Tau dari Singapura, Roberto De Ocampo dari Filipina, Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Malaysia dan Brig Gen Win Tin dari Myanmar.

Brunei dan Vietnam diwakili oleh timbalan menteri kewangan masing-masing iaitu Pehin Datuk Haji Ahmad Wally Skinner dan Le Thi Bang Tam manakala Laos pula oleh naib menteri kewangan Bounlith Khennavong.

Menteri-menteri Asean tersebut juga dijadualkan menemui wakil-wakil dari Jepun dan Amerika Syarikat.

Kemudian, menteri-menteri Asean bersama enam negara lain akan berbincang dengan pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus dan naik presiden kanan Bank Dunia Joseph E. Stiglitz.

Sementara itu, Anwar yang juga timbalan perdana menteri dijangka mengadakan perbincangan dua hala dengan perwakilan dari Hong Kong, Jepun dan Amerika Syarikat. -- BERNAMA

TEAM MA